

Sukan

SILAT

Kejohanan Silat Sedunia bakal berlangsung di Hab Sukan Singapura

► FAKHRUARADZI ISMAIL
mfismail@sph.com.sg

WAKTUNYA mungkin singkat untuk membuat persediaan yang rapi bagi kejohanan peringkat dunia, namun Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yakin Singapura mampu menganjur Kejohanan Pencak Silat Sedunia dengan cemerlang.

Bercakap di luar sidang media bagi kejohanan itu di Pusat Konvensyen Marina Bay Sands semalam, Sheik Alau'ddin berkata Persatuan Silat Singapura telah mendapatkan sokongan dari badan serta pertubuhan setempat seperti Sport Singapore (SportSG) dan beberapa Persatuan Sukan Kebangsaan (NSA) yang lain.

Acara ini turut disokong syarikat perniagaan elektronik atau e-dagang cawangan Singapura yang menawarkan produk dan perkhidmatan halal, Aladdinstreet.com.sg.

Syarikat itu juga merupakan penganjur bersama meskipun acara ini bermula kurang dari tiga bulan.

Kejohanan dunia ini dijadualkan berlangsung dari 11 hingga 17 Disember di OCBC Arena, Hab Sukan Singapura.

"Dalam masa yang singkat ini, saya bersyukur kerana banyak pertubuhan dan rakan kongsi yang telah ke hadapan untuk menjayakan kejohanan ini.

"Sehingga kini, kami telah mendapatkan tempat untuk menganjurkan acara ini yang dapat menampung bilangan atlit dan penonton yang besar.

"Kami juga telah mendapatkan tenaga sekitar 300 relawan untuk acara. Ini merupakan satu acara sukan yang besar dan kami berharap dapat melakukannya dengan baik," kata beliau.

Indonesia sepatutnya menjadi tuan ru-



SIDANG MEDIA: (Dari kiri) Presiden Persatuan Pencak Silat Eropah, Aidinal Alrashid, Setiausaha Agung Persatuan Pencak Silat Antarabangsa, Teddy Suratmadji, Sheik Alau'ddin, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SportSG, Lim Teck Yin, dan Presiden Aladdin Street Singapore, Dato' Dr Grace Kong, mengambil soalan dari para hadirin sewaktu sidang media Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-18 di Pusat Konvensyen Marina Bay Sands semalam. - Foto BH oleh KELVIN CHNG

mah bagi edisi ke-18 kejohanan ini dan ia dijadualkan berlangsung di Indonesia pada akhir tahun.

Namun, Persatuan Pencak Silat Indonesia (IPSI) telah mengambil keputusan menarik diri daripada menjadi hos kali ini.

Difahamkan presiden IPSI, Prabowo Subianto, sedang bersiap bertanding dalam pilihan raya Presiden Indonesia tahun depan.

Ini merupakan kali ketiga Singapura akan menjadi tuan rumah acara itu. Pertama kali negara ini menganjurkan acara itu adalah pada 1988.

Kali terakhir Singapura menjadi hos bagi kejohanan dwitahunan ini ialah pada 2004.

Tahun itu menyaksikan pesilat Singapura mengondol empat emas, empat perak dan sembilan gangsa, menjadikannya antara persembahan terbaik pasukan negara.

Sebagai penganjur kali ini, Sheik Alau'ddin berharap kejohanan ini dapat menjadi platform kepada atlit Melayu Singapura untuk mempamerkan seni silat mereka. Ia juga peluang untuk sukan pencak silat berkembang lebih maju lagi.

"Sokongan dari masyarakat kita sangat dialukan.

"Inilah peluang untuk kita menonjolkan sukan ini bukan sahaja di dalam negara bahkan ke luar negara. Kejohanan ini juga dapat

menjadi platform untuk kita semua, baik dari penyokong hingga rakan kongsi, untuk bersama," tambahnya.

Menyentuh tentang sasaran pingat bagi kejohanan ini, Sheik Alau'ddin hanya berharap anak didiknya dapat memperbaiki bilangan pingat yang diraih di kejohanan yang lalu di Bali, Indonesia.

Para pesilat negara berjaya membawa pulang dua pingat emas, satu perak dan lapan gangsa.

"Harapan saya adalah, mereka dapat meningkatkan bilangan pingat terutama pingat emas berbanding dua tahun lalu. Beberapa pesilat menjadi harapan kami, terma-

suklah juara dunia Muhammad Shakir Juanda, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, Nurul Suhaila Mohd Saiful serta Sheik Ferdous.

"Malangnya, Muhammad Nur Alfian Juma'en mungkin tidak akan bertanding kerana baru menjalani pembedahan pada bahunya. Oleh itu, kami akan menampilkan beberapa muka baru dalam kejohanan ini," ujarnya.

Dijangkakan, lebih 40 negara daripada empat benua akan menyertai acara itu tahun ini, satu petanda bahawa kejohanan itu kian mendapat perhatian.

Kali pertama ia berlangsung pada 1982, hanya tujuh negara mengambil bahagian.